AGENDA 3.0

**NOTA : MKSP ISO QMS & ISMS UPM TELAH DIAUDIT OLEH SIRIM - SESI AUDIT SIRIM PADA 13-17 DISEMBER 2021.**

**Pemantauan Status Keberkesanan Tindakan Susulan (Perancangan/Pelaksanaan/Pencapaian/Penambahbaikan )**

i. Surat Pemantauan 1 – pada 15 Mac 2022
ii. Emel – 15 Mac 2022 & Emel Peringatan : 29 Mac 2022
iii. Pemantauan 2 – Emel 18 Ogos 2022 bagi pengemaskinian status terkini tindakan (dikeluarkan berdasarkan Surat Panggilan Mesyuarat MKSP ISO QMS & ISMS 2022 – MKSP ISO 2022 (20 September 2022)
iv. Kemaskini sehingga – 15 September 2022

# LAPORAN STATUS KEBERKESANAN TINDAKAN SUSULAN
# MINIT MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) ISO QMS & ISMS UPM TAHUN 2021

| BIL. | MINIT | PERINCIAN TINDAKAN | TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN | STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN |
|---|---|---|---|---|
| **11.3 – TINDAKAN SUSULAN DARIPADA MESYUARAT LEPAS** | | | | |
| 1. | 11.3.2 | mengambil perhatian pada Minit 10.6.3.2 (f) iaitu berkenaan **Audit Dalaman QMS dan ISMS Tahun 2020**, setakat 15 November 2021, terdapat 3 NCR dan 7 OFI QMS yang masih belum ditutup. Manakala untuk ISMS terdapat 1 NCR yang belum ditutup. Walau bagaimanapun kesemuanya masih dalam pelaksanaan Tindakan PTJ dan dijangka selesai atau dapat ditutup pada 30 Disember 2021. | **FK, PPKKP/PNC,BAKD, UPMKB** | **PAD, UPM :**<br>Status terkini penutupan penemuan Audit Dalaman QMS & ISMS UPM Tahun 2020 : Semua telah ditutup.<br><br>**FK :**<br>Baki 2 NCR Dapatan Audit Dalaman 2020 FK telah ditutup sepenuhnya pada 24 Disember 2021.<br><br>Semua tindakan pembetulan dan penambahbaikan telah dilaksanakan merujuk bukti pelaksanaan pada Portal CQA.<br><br>**BAKD :**<br>Audit Dalaman QMS Tahun 2020<br><br>3 NCR (telah ditutup pada 20 dan 23 November 2020, terlewat daripada tarikh cadangan penutupan asal iaitu pada 9 dan 23 September 2020)<br><br>Audit Dalaman QMS Tahun 2021 |

| BIL. | MINIT | PERINCIAN TINDAKAN | TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN | STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | 2 NCR (telah ditutup pada 30 Ogos 2021, terlewat daripada tarikh cadangan penutupan asal iaitu pada 29 Julai 2021)<br><br>Audit Dalaman ISMS Tahun 2021<br><br>1 NCR (telah ditutup pada 9 Jun 2022). |
| **11.4 - PERUBAHAN ISU LUARAN DAN DALAMAN UNIVERSITI YANG RELEVAN DENGAN SISTEM ISO** | | | | |
| **11.4.2 - Perubahan Isu Luaran dan Dalaman yang Relevan Dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)** | | | | |
| 2. | 11.4.2(e) | mengambil perhatian berhubung beberapa isu keselamatan maklumat/data yang dibangkitkan semasa mesyuarat untuk diambil tindakan selanjutnya oleh pihak UPM, iaitu:<br><br>• risiko banjir di kawasan Pusat Data Utama;<br>• keselamatan data/aset semasa Bekerja Dari Rumah (BDR);<br>• penggunaan perisian tidak sah (illegal software) di kalangan pelajar UPM; dan<br>• gangguan rangkaian internet di kawasan kampus. | **TWP ISMS** | • Isu risiko banjir di kawasan Pusat Data Utama telah dibawa ke Mesyuarat Ke Seratus Enam Puluh Satu (162) Lembaga Pengarah Universiti pada 15 Februari 2022 untuk Kertas Lembaga: LPU 8/2022.<br>• Garis Panduan Keselamatan dan Teknologi Maklumat Komunikasi (GPKTMK) 6.2 Peranti Mudah Alih dan Teleworking telah dinyatakan berkaitan langkah-langkah keselamatan data/aset semasa Bekerja Dari Rumah (BDR). Arahan Kerja Permohonan VPN (AK31) untuk penggunaan kemudahan VPN.<br>• Penggunaan perisian sah telah dinyatakan dalam GPKTMK 11.3 Keselamatan Peralatan – (d) Media Perisian dan Aplikasi. Melaksanakan hebahan mengenai GPKTMK kepada warga UPM.<br>• Gangguan rangkaian internet di kawasan kampus dipantau dan dibaikpulih sekiranya aduan diterima. Pelaksanaan naik taraf rangkaian secara |

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>MINIT</th><th>PERINCIAN TINDAKAN</th><th>TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN</th><th>STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td>menyeluruh (UPMNET 4.0) secara berfasa (4 fasa) dan pelaksanaan di peringkat Fasa 1.</td></tr>
<tr><td colspan="5">11.5 - KEPUASAN PELANGGAN DAN MAKLUM BALAS PIHAK BERKEPENTINGAN</td></tr>
<tr><td colspan="5">11.5.2 - Maklum balas Pihak Berkepentingan ISMS</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>11.5.2(d)</td><td>pencapaian mengikut item adalah seperti berikut:
<table>
<tr><th>Kategori</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Saya yakin bahawa maklumat peribadi saya dirahsiakan</td><td>4.20</td></tr>
<tr><td>Saya yakin terhadap intgeriti maklumat dalam sistem penilaian pengajaran</td><td>4.17</td></tr>
<tr><td>Saya berpuas hati dengan ketersediaan sistem penilaian pengajaran</td><td>4.10</td></tr>
<tr><td>Min Keseluruhan</td><td>4.16</td></tr>
</table>
mengambil perhatian akan cadangan bahawa soalan serta jawapan yang mempunyai skala 1-5 yang digunakan hendaklah dikaji agar bersesuaian serta tidak menimbulkan keraguan kepada pelajar.</td><td>Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik</td><td>Bahagian Kemasukan telah mencadangkan kepada pihak bertanggungjawab iaitu Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) untuk mengkaji semula soalan kaji selidik berkenaan.</td></tr>
<tr><td colspan="5">11.6 - MAKLUMAT PRESTASI DAN KEBERKESANAN QMS & ISMS</td></tr>
<tr><td colspan="5">11.6.1.1 - Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 2020 dan Penetapan KPI 2021</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>11.6.1.1(d)</td><td>mengambil perhatian terdapat satu KPI tahun 2020 yang belum dinilai iaitu ‘Program Summer School’ kerana situasi pandemik COVID.</td><td>Peneraju Akademik dan Antarabangsa</td><td>Perkara ini telah dirujuk untuk perhatian Pengarah i-PUTRA.</td></tr>
</table>

| BIL. | MINIT | PERINCIAN TINDAKAN | TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN | STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| **11.6.1.4 - Pencapaian Objektif Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Tahun 2020** | | | | |
| 5. | 11.6.1.4(c) | mengambil perhatian objektif ISMS tahun 2020 yang tidak mencapai sasaran adalah merupakan objektif sama yang tidak mencapai sasaran pada tahun 2019. Bagaimanapun, peratusan pencapaiannya menunjukkan peningkatan sebanyak 17.72% berbanding 58.5% yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Mesyuarat meminta peneraju mengenal pasti punca objektif tidak mencapai 2 tahun berturut-turut. | **Pusat Pembangunan Akademik (CADe)** | Penambahbaikan berikut telah dibuat terhadap pelaksanaan Penilaian Pengajaran mulai Semester Kedua Sesi 2020/2021:<br>1. Mengeluarkan maklumat nama pelajar daripada paparan skrin Soal Selidik Penilaian Pengajaran Pelajar;<br>2. Pemasangan HTTPS untuk Portal Putra Learning Hub dan Sistem Penilaian Pengajaran; dan<br>3. Makluman berkenaan pematuhan etika kepada pensyarah berkenaan pensyarah tidak dibenarkan membuat sebarang kenyataan/ tindakan yang boleh mempengaruhi penilaian pelajar. |
| **11.6.3 - Penemuan Audit** | | | | |
| **11.6.3.1 - Audit SIRIM QMS dan ISMS Tahun 2020 – (a) Audit SIRIM QMS & (b) Audit SIRIM ISMS** | | | | |
| 6. | 11.6.3.1(a)iv | mengambil perhatian bukti tindakan OFI Audit SIRIM 2020 (QMS) yang dilaksana oleh PTJ akan disemak keberkesanan tindakan pada Audit SIRIM tahun 2021. | **PTJ yang berkaitan** | **PAD, UPM :**<br>Audit SIRIM tahun 2021 telah diadakan pada 13-17 Disember 2021 dan UPM telah berjaya melepasi audit tersebut. |
| 7. | 11.6.3.1(b)iv | mengambil perhatian bukti tindakan OFI Audit SIRIM 2020 (ISMS) yang dilaksana oleh PTJ akan disemak keberkesanan tindakan pada Audit SIRIM tahun 2021. | **PTJ yang berkaitan** | **PAD, UPM :**<br>Audit SIRIM tahun 2021 telah diadakan pada 13-17 Disember 2021 dan UPM telah berjaya melepasi audit tersebut. |
| **11.6.3.2 - Audit Dalaman QMS dan ISMS Tahun 2021** | | | | |

| BIL. | MINIT | PERINCIAN TINDAKAN | TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN | STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN |
|---|---|---|---|---|
| 8. | 11.6.3.2(e) | mengambil perhatian maklum balas pelan tindakan serta bukti pelaksanaan tindakan bagi penemuan audit dalaman perlu direkodkan melalui Portal Jaminan Kualiti (PortalCQA) mengikut tempoh yang ditetapkan oleh PTJ dengan persetujuan bersama Juruaudit Dalaman. | **TWP PP/PTJ berkenaan** | **PAD, UPM :**<br>Peringatan secara berkala diberikan kepada PTJ dan KJAD bagi menutup sebarang penemuan audit dalaman yang diterima. Status turut dipantau dan dilapor pada Mesyuarat JK Kualiti UPM.<br><br>**PEJ. PEND :**<br>Terdapat satu penemuan audit dalaman QMS 2021, telah direkodkan status tindakan dan justifikasi melalui Portal Jaminan Kualiti (PortalCQA) untuk semakan dan maklum balas KJAD bagi tujuan penutupan penemuan tersebut.<br>**iDEC :**<br>Tindakan telah diambil untuk penemuan Audit Dalaman 2021 iaitu IDEC-OFI-ISMS-04/6.2/ Dicadangkan supaya objektif keselamatan maklumat iaitu Memastikan Pemulihan Sistem Aplikasi Semasa Pendaftaran Pelajar Baharu disemak semula setelah sasaran dapat dicapai selama 2 tahun berturut-turut. |
| **11.7 - KECUKUPAN SUMBER**<br>**11.7.1 - Sokongan Sumber Manusia** | | | | |
| 9. | 11.7.1.(a)iv | mengambil maklum Pembangunan Projek Transformasi Sistem Sumber Manusia (HRT) Fasa 2 telah mencapai 76.66% siap dibangunkan. Perancangan bagi Fasa 2 adalah untuk tempoh 2 tahun iaitu mulai 2020 hingga 2021. Pembangunan bagi Fasa 2 melibatkan 30 sistem/proses utama yang berkaitan dengan perjawatan dan penggajian staf UPM. | **Pejabat Pendaftar dan iDEC** | **PEJ. PEND :**<br>Pembangunan Projek Transformasi Sistem Sumber Manusia (HRT) Fasa 1 dan 2 telah 100 % siap dibangunkan manakala Fasa 3 melibatkan 14 sistem/proses utama akan siap dibangunkan pada 2022. Sasaran tahun 2022 ialah memastikan keseluruhan sistem/proses utama siap dibangunkan |

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>MINIT</th><th>PERINCIAN TINDAKAN</th><th>TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN</th><th>STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td>dan beroperasi sepenuhnya di dalam HRPortal.<br><br><u>iDEC :</u><br>Projek Transformasi Sistem Sumber Manusia (HRT) Fasa 2 telah siap 100%. Pembangunan yang melibatkan penggajian staf UPM adalah di dalam Fasa 3 bermula 2022.</td></tr>
<tr><td colspan="5">11.8 - PENGURUSAN RISIKO, PENILAIAN DAN KEBERKESANAN TINDAKAN</td></tr>
<tr><td colspan="5">11.8.1 - Keberkesanan Tindakan bagi Menangani Risiko Strategik UPM</td></tr>
<tr><td>10.</td><td>11.8.1(i)</td><td>mengambil perhatian terdapat 8 risiko yang berulang dari tahun 2019 sehingga tahun 2021 seperti berikut<br><br><table><tr><td>Akademik & Antarabangsa</td><td>1 risiko berulang bagi tiga tahun berturut-turut<br>3 risiko berulang 2020 dan 2021</td></tr><tr><td>Jaringan Industri & Masyarakat</td><td>3 isu berulang 2020 dan 2021</td></tr><tr><td>Pertanian</td><td>Tiada risiko sama berulang (risiko baharu)</td></tr><tr><td>Kewangan</td><td>1 risiko berulang untuk 2019 dan 2020 manakala 2021 belum dinilai</td></tr></table></td><td>Peneraju KPI - Akademik & Antarabangsa, Jaringan Industri & Masyarakat, Pertanian dan Kewangan</td><td><u>Peneraju Risiko Strategik UPM</u><br>Status laporan terperinci sebagaimana Laporan Agenda 8.1 – Keberkesanan Tindakan Menangani Risiko Strategik UPM.<br><br><u>Peneraju KPI Jaringan Industri & Masyarakat:</u><br>Tindakan terhadap risiko adalah terima dan senarai tindakan pada Q2 telah dilaksanakan seperti dalam laporan Q4 2021. Semakan telah dibuat untuk mengenalpasti risiko untuk tahun 2022 dan dikemaskini status tindakan berdasarkan perancangan pelaksanaan bagi mencapai KPI UPM 2022.<br><br><u>Peneraju KPI Akademik & Antarabangsa</u><br>Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik telah meneliti perkara ini dan berpendapat risiko ini memang</td></tr>
</table>

| BIL. | MINIT | PERINCIAN TINDAKAN | TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN | STATUS PERANCANGAN PELAKSANAAN/PENCAPAIAN/ PENAMBAHBAIKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | berulang setiap tahun dan hanya boleh dikawal sebagaimana risiko pelajar Gagal dan Diberhentikan. |
| **11.8.2 - Keberkesanan Tindakan bagi Menangani Risiko dan Peluang Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)** | | | | |
| 11. | 11.8.2(j) | mengambil perhatian status terkini pelaksanaan tindakan oleh PTJ bagi dua (2) isu tahap risiko tinggi yang berulang adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Lampiran Kertas Agenda 8.2. Status tindakan yang dinyatakan adalah pelaksanaan tindakan dikemaskini sehingga 11 November 2021. | **iDEC dan IBS** | Isu risiko banjir di kawasan Pusat Data Utama telah dibawa ke Mesyuarat Ke Seratus Enam Puluh Satu (162) Lembaga Pengarah Universiti pada 15 Februari 2022 untuk Kertas Lembaga: LPU 8/2022. |
| **11.8.3 - Hasil Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)** | | | | |
| 12. | 11.8.3(d) | mengambil perhatian bahawa semua peneraju ISMS yang terlibat akan melaksanakan pemantauan dari masa ke semasa bagi memastikan keberkesanan tindakan kawalan serta pelan pemulihan risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM. | **TWP ISMS/ Pasukan Peneraju ISMS** | **Peneraju ISMS Pusat Data :**<br>1. Pemantauan dilaksanakan melalui penyelenggaraan berkala<br>2. Operasi harian<br>3. Semakan pelan pemulihan risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun. |